

30 JAN 2000

Khalil-Penerangan

UMNO SUSUN KURSUS PENERANGAN UNTUK TINGKATKAN KOMITMEN AHLI

KUANTAN, 30 Jan (Bernama) -- Ibu pejabat Umno sedang menyusun struktur kursus penerangan bagi meningkatkan kesedaran serta komitmen dan tanggungjawab anggota Umno kepada parti, kata Setiausaha Agungnya Tan Sri Khalil Yaakob, hari ini.

Selain itu, kursus itu juga bertujuan menanam semangat kesetiaan anggota Umno supaya bekerja untuk parti, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat perkhidmatan Parlimen Kuantan di sini.

Beliau, yang juga Anggota Parlimen Kuantan berkata kursus pertama yang diberikan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Januari lepas merupakan pelopor ke arah kursus-kursus penerangan yang akan dijalankan selepas ini.

Awal bulan ini, Dr Mahathir berkata Umno akan memberi kursus penerangan kepada semua 2.7 juta anggotanya di seluruh negara sebelum pemilihan parti pada 11 Mei depan, bagi memupuk semangat cintakan parti di kalangan mereka.

Berikutan itu, satu perjumpaan diadakan pada 11 Januari lepas, disertai oleh semua anggota Majlis Tertinggi Umno. Dr Mahathir telah menyampaikan penerangan kepada pengendali kursus mengenai topik-topik yang akan dibangkitkan.

Khalil berkata kursus penerangan itu penting bagi menimbulkan semula semangat perjuangan Umno, terutama di kalangan generasi muda sekarang.

"Umno merupakan sebuah parti besar yang ramai di kalangan generasi baru, mungkin tidak dapat meninjau secara mendalam latar belakang kemerdekaan dan perjuangan orang lama," katanya lagi.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, turut membidas sikap pemimpin parti pembangkang yang selepas berjaya menubuh kerajaan negeri baru-baru ini, bertindak seolah-olah terlalu banyak perkara ganjil yang dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional di negeri berkenaan sebelum itu.

"Saya nampak tidak ada sebab suruhanjaya, panel atau sebarang bentuk jawatankuasa perlu dibuat untuk mengkaji hal-hal pentabdiran yang dulu kerana kalau ia berlaku bermakna seolah-olah tiada kematangan dari segi sistem pemerintahan," katanya.

Beliau berkata secara perbandingan, di negara-negara maju, kerajaan daripada parti yang mengambil alih kepimpinan telah meneruskan dasar sedia ada, tanpa mengungkit-ungkit tentang kerajaan sebelumnya.

Terdahulu, Khalil menyampaikan hadiah sempena Tahun Baru Cina kepada 420 orang tua dan kurang bernasib baik. Hadiah sumbangan MCA Bahagian Kuantan itu berupa ang pow RM30 dan barang keperluan harian.

-- BERNAMA

ROS zb